

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keadaan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Malim di Melaka dan murid-murid yang tercedera akibat daripada hujan rebut petir yang melanda pada 11 Ogos 2020, termasuklah apakah langkah-langkah awal yang diambil Kementerian untuk membantu sekolah dan murid-murid tersebut selain peruntukan tambahan untuk kerja-kerja pemulihan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 11 Ogos 2020, Kementerian Pendidikan Pendidikan (KPM) telah menerima laporan mengenai kerosakan bumbung dan struktur bangunan SJKC Malim, Melaka akibat dilanda ribut. Dalam kejadian tersebut, seramai 29 orang murid Tahun 2 dan Tahun 5 mengalami cedera ringan. Enam (6) orang murid daripada murid yang cedera telah dihantar ke Hospital Besar Melaka manakala 23 orang murid dihantar ke Klinik Kesihatan Tengkeru. Setelah mendapat rawatan, semua murid terlibat telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Berikutan insiden berkenaan, SJKC Malim telah ditutup sehingga 14 Ogos 2020 untuk membolehkan kerja-kerja pembersihan dan pemulihan bangunan dilaksanakan.

## NO. SOALAN: 40

Sekolah telah kembali beroperasi semula dengan melaksanakan dua sesi persekolahan pada 17 Ogos 2020 kerana kekurangan bilik darjah. Murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 ditetapkan untuk hadir sesi pagi, manakala murid Tahun 1, tahun 2 dan Tahun 3 adalah pada sesi petang.

*Smart Supporting Team* Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka telah mengadakan sesi kaunseling kepada semua murid yang cedera pada 18 Ogos 2020. Pihak sekolah akan terus berusaha untuk membantu murid yang menghadapi masalah trauma akibat insiden berkenaan. Antara usaha tersebut adalah seperti membuat rakaman video di kelas atau mengadakan program ziarah cakna agar murid terlibat kembali bersemangat dan berkeyakinan untuk ke sekolah.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, kerja-kerja pemantauan dan penilaian keseluruhan bangunan sekolah telah disempurnakan oleh pihak Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri Melaka. Di samping itu, JPN Melaka dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Melaka Tengah telah membuat penyelarasan kerja-kerja pembaikan dan strategi pengoperasian semula sekolah bersama-sama dengan pihak pentadbir sekolah, JKR, Bomba dan Penyelamat, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Anggaran kos membaik pulih kerosakan pada bangunan yang terlibat adalah sebanyak RM250,000, merangkumi kos pendawaian dan juga kos membaiki struktur bumbung.

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh JKR Melaka pihak LPS telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada KPM. Sehubungan itu, KPM sedang menguruskan penyaluran sumbangan bantuan bagi membantu pelaksanaan kerja-kerja pembaikan.

Sekian, terima kasih.